



PERBADANAN BANDAR BARU TUNJONG
PT 1422 & 1423, TINGKAT 3, BANDAR BARU TUNJONG,
JALAN KUALA KRAI,
16010 KOTA BHARU.
TEL NO : 09-7473400/09-7478400
FAX NO : 09-7475400

IKLAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN

Tawaran adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan (kontrak) di Perbadanan Bandar Baru Tunjong seperti berikut :-

1. **PEMBANTU KESELAMATAN** (1 Kekosongan)
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : Keselamatan dan Pertahanan Awam
- TARAF JAWATAN : Kontrak (Asas tahun ke setahun selama ditentukan)
- GRED GAJI : KP1, KP2, KP3, KP4
- JADUAL GAJI : Gaji Minimum : RM 1,500.00
Gaji Maksimum : RM 4,680.00
- SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- a)
- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan pada Gred KP1 : RM 1,500.00); **atau**
- ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan pada Gred KP1 : RM 1,500.00); **atau**
- iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang

baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji Permulaan pada Gred KP1 : RM 1,500.00)

- iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan pada Gred KP1 : RM 1,561.00)

- v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan pada Gred KP1 : RM 1,622.00)

Dan (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaidera Seperti yang berikut :-

- i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki
- ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki
- iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26 ;
- iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas
- v) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan v6/9 tanpa menggunakan cermin mata
- vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan.

SYARAT BAHAYA MELAYU

: Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(ii), 1(a)(iv) dan 1(a)(v) hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Kemahiran Vokasional atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan.

PERMOHONAN

- a) Permohonan hendaklah dibuat kepada :-

**PENGURUS BESAR
PERBADANAN BANDAR BARU TUNJONG
PT 1422 & 1423, TINGKAT 3, BANDAR BARU
TUNJONG, JALAN KUALA KRAI, 16010 KOTA
BHARU, KELANTAN.**

dengan menghantar resume dan borang ke Perbadanan ini. Permohonan hendaklah disertakan maklumat-maklumat peribadi, gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan dan salinan sijil-sijil persekolahan yang telah disahkan serta **menyatakan dalam resume sebab-sebab atau alasan yang kukuh kenapa berminat untuk menjawat jawatan tersebut.**

- b) Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.
- c) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 JANUARI, 2025